

KERATAN AKHBAR

JUDUL : *Harian Metro*

TARIKH : *Rabu, 16 Januari 2013*

M/S : 6

RABU
16 JANUARI 2013

Harian Metro

FINAS belum putus tarikh baru tayangan

Kuala Lumpur: Perbincangan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) masih belum memberi keputusan mengenai tarikh tayangan filem Tanda Putera arahan Datin Paduka Shuhaimi Baba yang tertangguh sejak September tahun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FINAS, Fatimah Ahmad berkata, filem terbitan Pesona Pictures itu masih tertangguh kerana jawatankuasa skim wajib tayang belum bermesyuarat membincangkan tarikh baru tayangannya.

"Ini keputusan pihak pengurusan atasan dan jawatankuasa skim wajib tayang menunggu masa sesuai membincangkan perkara ini lebih lanjut," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, tiada sebarang tindakan disebut jawatankuasa terbabit selepas filem genre patrio-

tik ini ditangguh pada September lalu dan sepatutnya ditayangkan pada 15 November lalu.

"Sukar untuk saya katakan sama ada penangguhan ini atas faktor kontroversi filem ini atau sebaliknya. Saya percaya jika tiada masalah, filem ini akan ditayangkan pada tahun ini," katanya.

Filem yang menelan belanja RM4 juta itu diluluskan Lembaga Penapis Filem Malaysia (LPF) untuk tayangan pada 13 September tahun lalu tetapi ditarik balik FINAS atas alasan tidak cukup promosi dan perlu masa untuk mengatur strategi.

Kontroversi berlaku apabila filem ini memaparkan tragedi 13 Mei 1969. Penerbitan filem ini juga menjadi filem sejarah bagi mengenang jasa dan pengorbanan Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak dan timbalannya, Tun Dr Ismail.